



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 24/2023**

**HARI KELEPASAN AM BAGI SELURUH NEGERI KELANTAN SEMPENA  
PILIHAN RAYA DEWAN NEGERI KELANTAN KE-15**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berhubung Hari Kelepasan Am pada **13 Ogos 2023 (Ahad)** bagi seluruh Negeri Kelantan sempena Pilihan Raya Dewan Negeri Kelantan Ke-15 berdasarkan Kenyataan Media Menteri Besar Kelantan pada 11 Ogos 2023 dan Surat Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 12 Ogos 2023.
2. Pengisytiharan Hari Kelepasan Am bagi seluruh Negeri Kelantan ini adalah bagi memberi kemudahan kepada rakyat Negeri Kelantan serta petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menunaikan dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing pada Pilihan Raya Dewan Negeri Kelantan Ke-15 pada 12 Ogos 2023 (Sabtu).
3. Sehubungan itu, semua staf adalah dimohon untuk mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)**

Pendaftar

12 OGOS 2023

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



ستياوسها كراجان نكري كلنتن  
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

Ruj. Kami : SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.4 (20)  
Tarikh : 25 Muharam 1445H  
12 Ogos 2023

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Di Negeri Kelantan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri / Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YB.Dato'/ YBhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan/ Puan,

**PENGISYTIHARAN TARIKH 13 OGOS 2023 BERSAMAAN 26 MUHARAM 1445H (AHAD)  
SEBAGAI HARI KELEPASAN AM BAGI SELURUH NEGERI KELANTAN SEMPENA PILIHAN  
RAYA DEWAN NEGERI KELANTAN KE-15**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju untuk mengisytiharkan hari Ahad, **13 Ogos 2023 Bersamaan 26 Muharam 1445H** sebagai **Cuti Hari Kelepasan Am** bagi seluruh negeri Kelantan sempena Pilihan Raya Dewan Negeri Kelantan Ke-15.

Sekian, terima kasih.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"**

Dengan hormatnya,

**DATO' KAYA SETIA**

**DATO' NAZRAN BIN MUHAMMAD, P.J.N, S.P.S.K. (Kelantan)**